



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

HARI WARISAN SEDUNIA 2023  
"SELAMATKAN WARISAN KITA"

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**13 MEI 2023 (SABTU)**  
**11.40 PAGI**

**PERKARANGAN MASJID ABDULLAH FAHIM  
BERTAM  
KEPALA BATAS**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Tuan Rosli bin Haji Nor**  
Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang

**Ustaz Khamis bin Rosdi**  
Bahagian Pengurusan Masjid Abdullah Fahim

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang

**Para Pengunjung Program**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini di **Program Hari Warisan Sedunia 2023: “Selamatkan Warisan Kita”** di perkarangan Masjid Abdullah Fahim, Bertam, Kepala Batas.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada para hadirin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program pada pagi yang indah ini.
3. Hari Warisan Sedunia atau *World Heritage Day* adalah merupakan acara tahunan hasil daripada inisiatif sebuah badan penasihat UNESCO, iaitu *International Council for Monuments and Sites* (ICOMOS) pada tahun 1982. Pada dasarnya, ianya adalah untuk meraikan kekayaan kebudayaan dunia dan melestarikannya. Justeru itu, Hari Warisan Sedunia diraikan setiap tahun pada 18 April.

4. Program Hari Warisan Pulau Pinang yang diadakan hari ini adalah merupakan program anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai; Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang; *International Council on Monuments and Sites* (ICOMOS); dan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
  
5. Program Hari Warisan Sedunia 2023 adalah bertemakan “Selamatkan Warisan Kita” sempena Hari Warisan Sedunia yang disambut pada 18 April dan Hari Muzium Sedunia pada 18 Mei.
  
6. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para penganjur dan kesemua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, yang telah bertungkus lumus menganjurkan program yang meriah ini.
  
7. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai dalam usaha memartabatkan warisan kita. Warisan adalah termasuk panorama alam, habitat flora dan faunanya, perkampungan tradisional termasuk pakaian dan kuih muih

tradisional, peristiwa yang ada kepentingan sejarah, tapak, bangunan dan monumen warisan.

8. Program pada hari ini juga dapat memberikan pendedahan dan pendidikan mengenai warisan yang terdapat di Seberang Perai serta menonjolkan aspek-aspek warisan yang boleh diketengahkan sebagai satu produk pelancongan dan mengetengahkan permainan dan pakaian tradisional.
  
9. Program Hari Warisan ini telah pun bermula seawal 8.30 pagi dengan pengisian pelbagai program iaitu:-
  - i. Pertandingan melukis peringkat kanak-kanak bertemakan “Selamatkan Warisan Kita”;
  - ii. Pertandingan menghasilkan mini wau;
  - iii. Pertandingan memperagakan pakaian tradisional; dan
  - iv. Kuiz integriti.
  
10. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Rosli bin Haji Nor, Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang; *International Council for Monuments and Sites (ICOMOS)*; dan Ustaz

Khamis bin Rosdi, Bahagian Pengurusan Masjid Abdullah Fahim yang telah berkerjasama dengan MBSP dalam menganjurkan program pada hari ini.

11. Saya juga ingin menyatakan penghargaan saya kepada Ahli-Ahli Majlis, warga MBSP, masyarakat setempat dan pengunjung yang hadir beramai-ramai memberi sokongan dan mengambil bahagian dalam menjayakan serta memeriahkan Program Hari Warisan Sedunia 2023. Besar harapan saya sekiranya para hadirin sekalian dapat bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran sepanjang program ini diadakan.
  
12. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri Maaf Zahir Batin kepada para hadirin sekalian. Di saat kita melihat ke arah satu permulaan yang baharu dalam kehidupan kita, marilah kita melihat semula perjalanan kita, melalui pelbagai rintangan dan cabaran untuk membina Seberang Perai yang lebih aman, harmoni, bersatu padu seiring arus permodenan global.
  
13. Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan **Program Hari Warisan Sedunia 2023: “Selamatkan Warisan Kita”**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***